

19/10/1998

RM400,000 persiapan majlis tilawah

MELAKA, Ahad - Kerajaan negeri membelanjakan kira-kira RM400,000 sebagai persiapan majlis tilawah al-Quran peringkat Kebangsaan yang akan berlangsung mulai 27 hingga 31 Oktober ini.

Jumlah perbelanjaan membabitkan pembinaan astaka, penyelenggaraan serta pelaksanaan majlis tilawah al-Quran kali ke-41 itu dianggap paling menjimatkan.

Ketua Menteri, Datuk Seri Abu Zahar Isnin, berkata walaupun kerajaan negeri tidak berbelanja besar tetapi persiapaan yang dilakukan tetap dilaksanakan dengan bersungguh-sungguh dan rapi.

Katanya, pembinaan astaka di Stadium Kubu di sini, berjalan lancar dan dijangka siap sepenuhnya dalam tempoh tiga hingga empat hari lagi sebelum raptai diadakan pada 22, 23, 24 dan 25 Oktober ini.

"Astaka yang dibina oleh Jabatan Kerja Raya Negeri (JKR) itu berbentuk Masjid Al-Azim dan mempunyai ciri-ciri pembinaan Islam yang asli," katanya semasa melawat pembinaan astaka di Stadium Kubu di sini, semalam.

Turut menyertai lawatan itu ialah Pengerusi Jawatankuasa Kerjaraya dan Kemudahan Awam Negeri, Datuk Mohd Yassin Mohd Sharif dan Pengerusi Jawatankuasa Hal Ehwal Agama dan Pendidikan Negeri, Datuk Mohd Shariff Mohd Drus.

Ketua Menteri turut berpuas hati dengan persiapan yang dilaksanakan oleh jawatankuasa majlis tilawah al-Quran itu dan berharap penghormatan sebagai tuan rumah kali ke-2 itu digunakan sebaik mungkin.

"Kita akan melaksanakan majlis ini dengan baik dan setiap kekurangan akan dikesan semasa diadakan raptai penuh di stadium ini," katanya.

Menurut Ketua Menteri, kerajaan negeri juga bercadang untuk menyediakan kemudahan pengangkutan kepada orang ramai untuk menyaksikan majlis perasmian Tilawah al-Quran yang dijangka dirasmikan oleh Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Katanya, kemudahan pengangkutan itu dijangka disediakan untuk setiap Dewan Undangan Negeri (DUN) di negeri ini supaya majlis itu dapat dihayati orang ramai.

(END)